



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

**JEMPUTAN SEBAGAI PERASMI  
MESYUARAT AGUNG PIBG SMK  
BATU MUDA KE-18 BAGI TAHUN  
2018**

**OLEH**

**YB SENATOR DATO' DR. LOGA  
BALA MOHAN  
TIMBALAN MENTERI WILAYAH  
PERSEKUTUAN**

**Tarikh : 10 Feb. 2018 (Sabtu)**

**Masa : 8.30 pagi**

**Tempat : Dewan Seri, SMK  
Batu Muda**

**Yang Berusaha Puan Tuan  
Hasnah Binti Raja Hassan  
Pengetua SMK Batu Muda,**

**Yang Dihormati Dr Mohd  
Farid Bin Shamsudin**

**Yang DiPertua (YDP) PIBG  
SMK Batu Muda,**

**Yang Dihormati**

**Pn Zaiton binti Mohd Noh**

**Penolong Kanan**

**Pentadbiran dan Akademik,**

**En Ahmad Nasruddin Bin**

**Mokti**

**Penolong Kanan Hal Ehwal**

**Murid,**

**Pn Norasmani Bt Abu Bakar**

**Penolong Kanan**

**Kokurikulum,**

**En Fazari Bin Waris**

**Penolong Kanan Petang,**

**En Zulkarnain Bin Umar**

**Penolong Kanan Pendidikan**

**Khas,**

**Barisan ketua bidang,**

**Ahli-ahli Jawatankuasa**

**PIBG,**

**Guru-guru,**

**Tuan-tuan dan puan-puan  
yang dihormati sekalian.**

**Salam Sejahtera, Salam 1  
Malaysia dan Salam Batu  
Muda Unggul Bersama.**

**Terima kasih saudara  
Pengerusi Majlis.**

**Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih atas jemputan pihak sekolah untuk saya hadir ke Majlis Mesyuarat Agung PIBG SMK Batu Muda kali ke 18 dan seterusnya merasmikan mesyuarat pada hari ini.**

**Saya juga ingin  
mengucapkan terima kasih  
atas kehadiran tuan puan  
pada pagi yang mulia ini  
sempena Majlis Mesyuarat  
Agung PIBG, SMK Batu  
Muda ke-18.**



**Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada pihak sekolah dan Jawatankuasa PIBG kerana telah dapat merancang, mengelola dan melaksanakan mesyuarat pada hari ini dengan jayanya.**

**Tuan-tuan dan puan-puan,  
Mesyuarat PIBG perlu  
diadakan dengan tujuan  
mewujudkan  
permuafakatan antara ibu  
bapa dan guru di sekolah.**

**Permuafakatan seumpama ini diharapkan dapat membina kesefahaman tentang tugas dan tanggungjawab bersama dalam usaha meningkatkan mutu pengajaran guru-guru dan pembelajaran pelajar-pelajar di sekolah,**

**selain meningkatkan  
kerjasama dan perkongsian  
antara pihak sekolah, ibu  
bapa dan komuniti  
setempat.**

**Di samping itu, PIBG juga mempunyai peranan 'Saling Melengkapi' terhadap fungsi Kementerian Pendidikan dalam menyediakan prasarana, kemudahan dan suasana sekolah yang kondusif kepada pelajar-pelajar dan guru-guru di sekolah.**

**Bak kata pepatah, “Bulat Air  
Kerana Pembentung, Bulat  
Manusia Kerana Muafakat”**

**Tuan-tuan dan puan-puan  
sekalian,**

**Majlis pada pagi ini juga  
amat bermakna, kerana  
pihak sekolah dan ibu bapa  
dapat bertemu untuk  
berbincang dan mencari  
kata sepakat demi  
kepentingan dan masa  
depan anak masing-masing.**

**Permuafakatan merupakan kunci kejayaan PIBG dan sekolah untuk menggembleng tenaga ke arah tahap kecemerlangan yang diharapkan. Harus juga diingatkan, kecemerlangan anak-anak kita sebenarnya bermula dari rumah.**



**Sebagai ibu bapa, kitalah yang akan menentukan sama ada anak-anak kita terdidik dengan nilai-nilai murni dan mempunyai kekuatan dalaman untuk berhadapan dengan segala gejala negatif di luar rumah.**

**Jelas, tanggungjawab  
menentukan keperibadian  
anak-anak sebenarnya  
adalah tanggungjawab  
bersama antara ibu bapa  
dan guru-guru di sekolah.**

**Amat tidak adil untuk melepaskan tanggungjawab itu sepenuhnya ke atas bahu guru dan pihak sekolah. Dalam konteks ini, PIBG sekolah perlulah bersikap proaktif untuk menyumbangkan usaha ke arah tersebut.**

**Selain membantu dalam  
kebajikan anak-anak  
didiknya, guru juga  
berperanan dalam kejayaan  
sesebuah sekolah.**

**Apa yang saya maklum,  
setakat ini kerjasama yang  
baik dan erat telah  
ditunjukkan oleh pihak  
sekolah dan PIBG di  
sekolah ini. Tahniah kepada  
penerajunya, YDP dan Ahli-  
ahli Jawatankuasanya.**

**Tuan-tuan dan puan-puan,  
Sebelum mengakhiri ucapan,  
saya sekali lagi mengambil  
kesempatan mengucapkan  
terima kasih atas jemputan  
ke majlis pada pagi ini dan  
mengucapkan syabas serta  
tahniah kepada AJK PIBG  
yang bakal dilantik sebentar  
lagi.**

**Tunaikanlah amanah itu dengan rasa sukacita dan tanggungjawab demi kecemerlangan anak-anak kita bersama. Harapan saya, semoga Mesyuarat Agung PIBG kali ke 18 ini dapat berjalan dengan lancar dan teratur hingga ke penghujungnya.**

**Dengan itu saya dengan  
sukacitanya merasmikan  
Mesyuarat Agung Persatuan  
Ibu Bapa dan Guru SMK  
Batu Muda kali ke18- ini.**

**Sekian, terima kasih.**